

ROLE OF WAQF INSTITUTION IN THE SUSTAINABLE MANAGEMENT OF SENIOR CITIZENS IN MALAYSIA

PERANAN INSTITUSI WAKAF DALAM MELESTARIKAN PENGURUSAN WARGA EMAS DI MALAYSIA

Muhamad Firdaus Ab Rahman¹, Abd Hamid Abd Murad², Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi³ & Azman Ab Rahman⁴

- ¹ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mfirdaus.rahman@usim.edu.my
- ² Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hamid@usim.edu.my
- ³ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hussein@usim.edu.my
- ⁴ Timbalan Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), International Fatwa and Halal Centre (iFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia. azman@usim.edu.my

<p>Vol. 8. No. 1 August Issue 2020</p>	<p>Abstract <i>The global population of senior citizens is expected to reach 2.1 billion by 2050. However, the population of senior citizens in Malaysia is expected to reach 3.5 million by 2020 and 6.3 million by 2040. Initially, Malaysia has been classified aging nation by 2030. Among the challenges faced by senior citizens include deteriorating health conditions, malnutrition, lack of shelter and housing, depression, declining productivity and unstable financial status. In order to deal with these challenges, the Ministry of Women, Family and Community Development through the Department of Social Welfare has developed Senior Citizens Unit (Unit Penyayang Warga Emas) which has been equipped with various facilities and financial assistance to qualified senior citizens. The main issue is should the burden of caring for senior citizens be placed solely on the government. Hence, the objective of this article is to evaluate the role of waqf institution in the sustainable management of senior citizens in Malaysia and to suggest the method of its implementation. A qualitative methodology was employed to analyse the data through descriptive and comparative methods. The finding of the research reveals that shared governance and responsibility could create a sustainable management of senior citizens especially in the aspect of the financial care of senior citizens.</i></p> <p>Keywords: <i>Waqf, Senior, Citizens, Management, Malaysia.</i></p>
	<p>Abstrak <i>Populasi warga emas di dunia akan mencecah 2.1 billion menjelang tahun 2050. Manakala, jumlah penduduk warga emas di Malaysia pula dijangka mencecah ke angka 3.5 juta pada tahun 2020 dan 6.3 juta pada tahun 2040. Natijahnya, Malaysia telah diklasifikasikan sebagai negara warga</i></p>

	<p>tua pada tahun 2030. Masalah utama yang dihadapi oleh warga emas ialah keadaan kesihatan yang menurun, kekurangan nutrisi, kekurangan tempat perlindungan, kemurungan, tahap produktiviti yang menurun dan kedudukan kewangan yang tidak stabil. Untuk menangani cabaran ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWK) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan Institusi Warga Emas yang dilengkapi dengan pelbagai fasilitis dan kemudahan, mewujudkan Unit Penyayang Warga Emas serta menyediakan bantuan kewangan kepada mereka yang berkelayakan. Persoalannya adakah hanya pihak kerajaan dipertanggungjawabkan ke atas penjagaan warga emas di Malaysia? Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menilai peranan institusi wakaf dalam melestarikan pengurusan warga emas di Malaysia serta mencadangkan kaedah pelaksanaannya. Kaedah kualitatif dilakukan dengan menggunakan metodologi kepustakaan untuk mengumpul data. Manakala penganalisisan data menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif. Hasil kajian menunjukkan tadbir urus dan perkongsian tanggungjawab antara Institusi Wakaf dan pihak kerajaan dapat melestarikan pengurusan warga emas di Malaysia, khususnya dalam pembiayaan penjagaan mereka.</p> <p>Kata kunci: Wakaf, Warga, Emas, Pengurusan, Malaysia.</p>
--	---

PENDAHULUAN

Warga emas ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur 60 tahun dan ke atas (*World Assembly on Ageing*, 1982). Berdasarkan laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperlihatkan peningkatan drastik bilangan penduduk dunia yang mencecah umur 65 tahun dan ke atas. Keadaan ini adalah menjadi cabaran yang utama di abad ke-21 (*United Nation*, 2019).

Manakala jumlah penduduk Malaysia yang mencapai umur 65 tahun akan mencecah tujuh peratus 7% menjelang tahun 2030. Menurut kajian yang dijalankan oleh *Social Wellbeing Research Centre*, Universiti Malaya (2019) jumlah penduduk Malaysia yang akan mencapai tahap warga emas ialah seramai 3.5 juta pada tahun 2030 dan 6.3 juta pada tahun 2040.

Pertambahan jumlah penduduk warga emas menunjukkan pola peningkatan yang ketara, ini dibuktikan dengan statistik semasa jumlah penduduk warga emas adalah pada tahap 6.36% (2015), 7.9% (2020), 9.57% (2025), 11.53% (2030) dan 13.17% (2035) (Statistics, 2019).

Antara cabaran yang bakal

dihadapi oleh warga emas ialah keadaan kesihatan yang menurun, isu pemakanan, isu perlindungan dan keselamatan, kemurungan, keadaan mental yang kurang stabil dan isu kewangan.

Perbincangan mengenai aspek penjagaan warga emas telah mula dibincangkan diperingkat antarabangsa (*World Economics Forum*, 2019; *Committee For Economic Development Australia*, 2019; *Hospital Insider*, 2019). Namun kajian dari aspek pembiayaan penjagaan warga emas menerusi sumber pengurusan kekayaan Islam kurang dibahaskan. Oleh itu matlamat artikel ini ialah untuk melihat sama ada pembiayaan penjagaan warga emas boleh dimantapkan dengan aplikasi instrument wakaf.

Wakaf ialah satu cara pengagihan harta yang diberikan kepada pihak tertentu dan untuk dimanfaatkan secara berterusan. Ia merupakan mekanisme yang sangat berkesan dalam meningkat dan memartabatkan tahap ekonomi negara. Dalam era semasa, institusi wakaf mempunyai potensi yang besar dalam membangun ekonomi masyarakat.

Oleh itu, kaedah pengumpulan harta wakaf merupakan satu pendekatan

yang relevan dalam menyusun masyarakat dan seterusnya membangun kekuatan ekonomi. Peranan wakaf harus dimanfaatkan dalam pembangunan ummah dan ia boleh direncanakan untuk memajukan sektor utama dalam kehidupan masyarakat misalnya pembangunan kerohanian dan kebajikan anak yatim, pembangunan pendidikan rendah, menengah dan tinggi, serta penjagaan kebajikan golongan warga emas.

Pelaksanaan wakaf dalam melestarikan pengurusan warga emas di Malaysia harus diperhebatkan perkembangannya dengan pengurusan dana yang berkesan, perundangan yang kukuh, urustadbir yang baik serta mengenalpasti model pengurusan wakaf yang sesuai untuk diaplikasi.

Dana warga emas juga perlu dibangunkan dalam penyediaan pembiayaan penjagaan warga emas, hal ini selaras dengan objektif wakaf iaitu membangunkan ekonomi umat Islam meliputi semua lapisan masyarakat termasuklah warga emas.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan kualitatif bertujuan memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian (Merriam et.al., 2002; Ritchie & Lewis, 2005). Selanjutnya, Merriam (1998) dan Patton (2002) menegaskan penggunaan kaedah kualitatif dalam sesuatu penyelidikan bertujuan memahami secara holistik pengalaman manusia dalam sesuatu konteks.

Oleh itu, menurut Merriam (2002), penyelidikan kualitatif adalah berbentuk induktif. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka kelayakan warga emas sebagai penerima dana wakaf.

Menurut Othman (2007), rasional kajian kualitatif bukanlah untuk mencari elemen baru seperti dalam kajian sains natural, tetapi lebih kepada memperkukuhkan kesedaran tentang sesuatu isu. Strauss dan Corbin (1998) menyatakan bahawa kaedah kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang

sesuatu fenomena yang belum diketahui.

Ia juga boleh digunakan untuk mendapatkan perspektif ke atas perkara-perkara yang telah diketahui atau untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam yang mungkin sukar untuk dinyatakan secara kuantitatif (Othman, 2007).

Dalam hal ini, Stake (1995) menyatakan laporan penyelidikan kualitatif biasanya kaya dengan penjelasan yang terperinci dan mendalam tentang pengalaman responden, dan juga daripada aspek epistemologinya lebih harmoni dengan pengalaman pembaca dan oleh yang demikian ia lebih bermakna.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah keseluruhan proses penyelidikan iaitu daripada proses pengkonsepsualan masalah kepada proses menulis laporan (Creswell, 2012). Othman (2007) mengukuhkan pandangan Creswell dengan menyatakan reka bentuk kajian kualitatif memberi gambaran tentang komponen yang perlu ada dalam melaksanakan penyelidikan.

Ia menggambarkan siri langkah atau tugas dalam merancang dan menjalankan kajian. Ia mungkin dilihat sebagai satu proses yang linear dan berurutan, daripada pernyataan masalah kepada kesimpulan kajian.

Menurut Othman (2007), reka bentuk kajian kualitatif bergantung kepada tujuan kajian. Tidak ada satu kriteria yang ketat tentang saiz sampel (Patton, 2002), menggunakan pelbagai bukti dan data, tidak ada ujian statistik untuk mengukur kesignifikanan keputusan kajian (Eisner, 1991) adalah antara aspek yang terdapat dalam reka bentuk kualitatif.

Dalam kajian kualitatif, reka bentuknya merupakan proses refleksif, automatik dan serentak yang beroperasi melalui setiap langkah. Hal ini menurut Ritchie dan Lewis (2005), maklumat lengkap mengenai prosedur kajian biasanya dijelaskan secara retropek yang merupakan naratif tentang apa yang sebenarnya berlaku setelah kajian dijalankan dengan sempurna. Reka

bentuk kajian kualitatif adalah fleksibel mengikut andaian persoalan kajian (Abd Hamid, 2012).

Penyelidik telah memilih reka bentuk sejarah (*historical design*) sebagai reka bentuk kajian ini. Reka bentuk sejarah digunakan untuk mengumpul data kualitatif tentang peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, dan menghubungkannya dengan peristiwa yang sedang berlaku untuk memahami kejadian peristiwa tersebut (Chua, 2012).

Kajian ini mengkaji tentang konsep wakaf serta peranannya. Pendapat ulama terdahulu menjadi asas bagi mengkaji konsep, pengurusan dan pengagihan manfaat wakaf kepada masyarakat di Malaysia. Analisa perbandingan antara pendapat ulama terdahulu dengan pendapat ulama semasa di Malaysia menjadi asas kepada penghasilan model dana wakaf warga emas.

Kajian kes (*case study design*) juga dipilih sebagai reka bentuk kajian ini. Reka bentuk kajian kes menghuraikan seseorang individu atau sekumpulan individu secara teliti untuk memahami suatu isu yang dikaji (Chua, 2012). Ia juga satu bentuk penyelidikan kualitatif yang mana penyelidik menyiasat secara mendalam; sama ada satu program, peristiwa, aktiviti atau proses yang melibatkan seorang atau beberapa individu (Merriam, 2002; Creswell, 2012; Abd Hamid, 2012).

Dengan itu secara spesifik, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi mengkaji instrumen wakaf sebagai kaedah pembiayaan penjagaan warga emas. Reka bentuk kajian kes digunakan untuk kajian ini dengan harapan ia dapat memberikan naratif deskripsi holistik berkaitan dengan warga emas sebagai beneficiari wakaf.

DAPATAN KAJIAN

Konsep Wakaf Pemegang Amanah dan Pengurus Harta Wakaf Di Malaysia

Al-waqf sinonim dengan *al-habs* yang bermaksud penahanan, *al-man'* bererti larangan serta *al-tasbil*, iaitu

menyalurkan pada jalan Allah. Jumhur fuqaha mendefinisikan wakaf sebagai suatu dedikasi harta dengan menahan harta tersebut daripada sebarang pemindahan pemilikan dan manfaatnya disalurkan bagi tujuan kebajikan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Ibn Abidin, 1995; Abu Abdillah, 1989; Al-Shirbini, t.th; Ibn Qudamah, 1994). Pensyariatan wakaf adalah selaras dengan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran 92:

﴿لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا

مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya, "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua Yang kamu dermakan maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya" (al-Quran. Ali Imran: 92)

Frasa "sesuatu apa jua yang kamu dermakan" dalam ayat di atas membawa maksud segala bentuk kebaikan yang merujuk wakaf. Manakala, dalil hadis yang terkenal sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Umar perihal ayahandanya Saidina Umar al-Khattab yang mewakafkan tanahnya yang terbaik di daerah Khaybar, seperti berikut:

﴿ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى التَّمِيمِيُّ أَخْبَرَنَا سُلَيْمُ بْنُ

أَحْضَرَ عَنْ ابْنِ عَوْنٍ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ

أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِحَيْرٍ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَصَبْتُ

أَرْضًا بِحَيْرٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفَسُ عِنْدِي

مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُنِي بِهِ قَالَ إِنْ شِئْتَ حَبَسْتُ أَصْلَهَا

وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ فَتَصَدَّقْ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاغُ

أَصْلَهَا وَلَا يُبْتَاغُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقْ

عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ

اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّبِيفِ لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا

أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ
مُتَمَوِّلٍ فِيهِ

Maksudnya, "Daripada Nafi' daripada Ibn Umar beliau menyebut bagaimana Umar RA telah memperoleh tanah di bumi Khaybar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah SAW, "Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh tanah di bumi Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan nak saya lakukannya? Rasulullah SAW bersabda, "Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengannya." Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, tetamu, dan orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi, ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya, memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta" (Hadis. Al-Bukhariyy. Kitab al-Wasaya, Bab al-Waqf Kayfa Yaktub. 2587).

Hadis di atas menggariskan prinsip utama yang mendasari konsep wakaf, iaitu "tidak boleh dijual, dihibah dan diwarisi". Perwakafan oleh Saidina Umar berupa sebuah ladang bernama kurma di Khaybar yang turut menjana hasil pertanian merupakan suatu manifestasi berhubung pensyariaan wakaf (Ab Rahman & Amanullah, 2017ab).

Pemegang Amanah dan Pengurus Harta Wakaf Di Malaysia

Berdasarkan Enakmen Wakaf Negeri dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah sebagai pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, misalnya sepertimana yang termaktub di bawah seksyen 4 (1) (a) Enakmen Wakaf Terengganu 2016 memperuntukkan: "Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang

terletak di dalam Negeri Terengganu".

Namun, MAIN diberikan kuasa untuk melantik pihak lain selain MAIN dan Perbadanan Wakaf Negeri bagi menguruskan harta wakaf sepertimana yang termaktub di bawah seksyen 4 (1) (e) (f), Enakmen Wakaf Terengganu 2016 memperuntukkan:

"(e) Majlis boleh melantik atau memberi izin kepada mana-mana pihak untuk mengurus, mentadbir dan memegang apa-apa mawquf bagi pihaknya;

(f) Majlis boleh menubuhkan apa-apa skim wakaf atau meluluskan mana-mana institusi untuk menubuhkan apa-apa skim berkaitan wakaf".

Peruntukan di bawah sekyen yang sama juga menjelaskan bahawa mana-mana pihak yang mahu mentadbir atau menguruskan sesuatu wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas perlu memohon kebenaran terlebih dahulu daripada MAIN. Sebarang bentuk pengurusan wakaf yang tidak mendapatkan kebenaran merupakan suatu tindakan yang tidak sah dan bertentangan dengan undang-undang yang dikanunkan.


Oleh yang demikian, dari sudut perundangan Islam, MAIN dianggap sebagai nazir yang berperanan memantau kesemua aktiviti dan pelaksanaan wakaf yang dibuat oleh mana-mana pihak di negeri masing-masing. Pihak yang mendapat kebenaran menguruskan wakaf di bawah kategori pengurus atau pentadbir wakaf dikenali sebagai mutawalli. Setiap individu atau organisasi yang hendak melaksanakan wakaf perlulah memenuhi beberapa keperluan, antaranya termasuklah mendapatkan kebenaran daripada MAIN sebelum suatu kutipan wakaf dilaksanakan (Ab Rahman & Amanullah, 2016a).

Cadangan Model Dana Wakaf Warga Emas (DW²E)

Dalam penyediaan pembiayaan penjagaan warga emas, instrumen wakaf boleh diaplikasikan dalam bentuk mewujudkan Dana Wakaf Warga Emas (DW²E) di setiap Institusi Warga Emas. DW²E memainkan peranan dalam bentuk pembiayaan, menyediakan tempat

perlindungan yang lengkap, serta mampu meningkatkan tahap produktiviti dan pendidikan warga emas. Cadangan pembiayaan penjagaan warga emas ini boleh dilaksanakan oleh Perbadanan Wakaf Negeri atau Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan (NGO).

Model Dana Wakaf Warga Emas (DW²E) boleh dibangunkan oleh Institusi Wakaf Negeri atau oleh Institusi Warga Emas yang berdaftar, hal ini bertepatan dengan peruntukan perundangan wakaf. Bagi memastikan dana ini diurus dengan baik, empat unit utama perlu diperkasa; (1) Unit Pentadbiran, (2) Unit Perundangan, (3) Unit Pengurusan Dana, dan (4) Unit Penyelidikan dan Pembangunan RnD, seperti gambar rajah di bawah:



Rajah 1: Model Dana Wakaf Warga Emas

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan 4 unit utama dalam memastikan model pengurusan model dana warga emas dapat dilaksanakan dengan jayanya. Peranan unit-unit tersebut seperti berikut:

- i. Unit Pentadbiran: Bahagian pengurusan pentadbiran bertanggungjawab mengendalikan setiap aspek pengurusan pentadbiran pejabat, menguruskan hal ehwal berkaitan kakitangan dan warga emas termasuklah urusan perjawatan serta memastikan keperluan warga emas terjamin
- ii. Unit Perundangan: Unit ini memastikan setiap tindakan yang diambil bertepatan dengan peruntukan undang-undang. Unit ini

juga berperanan memastikan setiap dasar dan polisi yang ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dikemaskini.

- iii. Unit Pengurusan Dana: Unit ini berperanan menjalankan perkhidmatan khususnya dalam pungutan dana dan hasil serta perbelanjaan tahunan untuk kebajikan warga emas. Menyediakan laporan kewangan mengemaskini rekod-rekod penerimaan dan pengeluaran dana.
- iv. Unit Penyelidikan dan Pembangunan (RnD): Unit penyelidikan berperanan menjalankan penyelidikan dari semasa ke semasa bagi memastikan keberlangsungan kewujudan rumah warga emas. Manakala unit pembangunan berperanan meningkatkan tahap produktiviti dan pendidikan warga emas.

Sumber Dana Wakaf Warga Emas

Mekanisme wakaf boleh dianggap sebagai instrumen pembiayaan penjagaan warga emas. Terdapat beberapa jenis wakaf dan kaedah pelaksanaannya mampu menambah sumber dana pembiayaan penjagaan warga emas. Sumber dana wakaf tidak dihadkan dalam bentuk kewangan sahaja, malah perkhidmatan serta kepakaran juga dianggap sebagai sumber untuk penjagaan warga emas, seperti berikut:

- i. **Wakaf Am:** Wakaf am iaitu apa-apa harta wakaf (*mawquf*) yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak, sepertimana yang termaktub di bawah seksyen 12 (a), Enakmen Wakaf Selangor 2015 dan seksyen 14 (b) Enakmen Wakaf Terengganu 2016.

Realiti di Malaysia, kebanyakan pewakaf mengfokuskan kepada wakaf am berbanding jenis-jenis wakaf yang lain. Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Perbadanan Wakaf Negeri hanya akan membangunkan sesuatu tanah wakaf berdasarkan

kepada keperluan semasa masyarakat di sesuatu lokaliti.

Oleh itu, pengagihan kepada Institusi Warga Emas secara teorikalnya agak tipis, justeru disarankan kepada pengurusan Institusi Warga Emas supaya berurusan terus dengan pihak autoriti wakaf negeri agar permohonan pembiayaan dipertimbangkan.

- ii. **Wakaf Khas:** Wakaf Khas ertinya apa-apa harta wakaf yang diwujudkan bagi suatu tujuan yang khusus menurut Hukum Syarak, sepertimana yang termaktub di bawah seksyen 12 (b) Enakmen Wakaf Selangor 2015 dan seksyen 14 (b) Enakmen Wakaf Terengganu 2016.

Wakaf khas perlu dipromosi di negeri-negeri agar ia dapat dimanfaatkan oleh warga emas. Misalnya apabila pewakaf mewakafkan sebidang tanah atau sebuah rumah untuk dijadikan sebagai Pusat Penjagaan Warga Emas, maka pihak nazir bertanggungjawab membina serta membangunkan pusat tersebut, hal ini bertepatan dengan seksyen 29, Enakmen Wakaf Terengganu 2016, memperuntukkan: "*Seseorang waqif (pewakaf) atau Jawatankuasa dengan persetujuan waqif itu, boleh menetapkan apa-apa syarat khusus kepada mawquf 'alayh (penerima wakaf) sebelum mawquf 'alayh itu menjadi berhak kepada manfaat, faedah atau kepentingan mawqif itu*".

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), melaporkan telah menerima wakaf khas yang terdiri daripada dua bidang hartanah seluas 1.7183 ekar yang terletak di atasnya sebuah banglo dua tingkat dan kebun buah-buahan. Hartanah ini terletak di Sungai Penchala, Kuala Lumpur dan ia diwakafkan kepada MAIWP sebagai Pusat Pengajian Warga Emas yang dikenali sebagai Darul Ilmi. Pusat pengajian itu membolehkan warga emas mendalami ilmu agama secara kaedah pengajian pondok moden. Malah, ia juga turut menyediakan tempat

tinggal untuk warga emas sepanjang tempoh pengajian mereka (Utusan Malaysia, 2019).

- iii. **Wakaf Tunai:** Wakaf tunai ertinya apa-apa sumbangan wang tunai, nilai emas atau yang seumpama dengannya daripada mana-mana orang bagi apa-apa maksud wakaf. Wakaf tunai telah dilaksanakan di kebanyakan negeri di Malaysia, misalnya sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 25 Enakmen Wakaf Terengganu 2016 dan bertepatan dengan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-5 pada 17 Oktober 2017 (Ab Rahman & Amanullah, 2017c).

Rumah Warga Emas di Yayasan al-Jenderami yang pertama dibina pada tahun 1995 hasil wakaf tunai sebanyak RM10,000 oleh Puan Esah bt Siden. Tujuan Rumah Warga Emas ditubuhkan adalah untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa dan kondusif bagi orang warga emas menuntut ilmu fardu ain di samping beramal dengan ilmu yang telah dipelajari. Rumah Warga Emas ini tidak ubah seperti sebuah asrama tetapi lebih eksklusif kerana hanya menempatkan dua hingga empat penghuni bagi setiap rumah. Penubuhan ini diaggap rumah warga emas pertama yang didirikan secara professional dan teratur untuk golongan wanita tua mempelajari ilmu agama (Yayasan al-Jenderami, 2019).

Disarankan agar pihak pengurusan Pusat Penjagaan Warga Emas berhubung terus dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri, memohon agar dibenarkan membuka satu Tabung Wakaf Tunai untuk menampung pembelanjaan serta penyelenggaraan pusat tersebut.

- iv. **Wakaf Mu'qqat:** Wakaf bertempoh (*mu'qqat*) adalah wakaf yang ditetapkan tempoh manfaatnya dan selepas tamat tempoh tersebut ia dikembalikan semula kepada pewakaf. Pelaksanaan wakaf bertempoh telah diharuskan

pelaksanaannya di negeri Johor, Terengganu dan Wilayah persekutuan, sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen seksyen 17 Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983, seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, dan seksyen 18 (1) Enakmen Wakaf Terengganu 2016.

Kaedah pelaksanaan wakaf bertempoh telah diperuntukkan ini bawah Seksyen 17, *Kaedah-kaedah wakaf Johor 1983: "Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid adalah muabbad dan wakaf lain daripada masjid dan kerana masjid dan wakaf yang lain daripada wakaf ahli harus muabbad dan harus "mu'aaqqat" dan sekiranya diitlakkan maka wakaf itu menjadi muabbad ataupun wakaf ahli adalah muaqqat yang "tidak lebih masanya dari 60 tahun" dari tarikh mati wakif atau dua keturunan tidak termasuk wakif"*.

Justeru, dicadangkan agar pihak pengurusan Pusat Penjagaan Warga Emas menguar-uarkan kepada masyarakat agar mereka mampu berwakaf walaupun dalam tempoh tertentu sahaja, misalnya mewakafkan pengangkutan dalam tempoh tertentu untuk kegunaan warga emas. Produk wakaf bertempoh ini dapat diaplikasi dalam pelbagai jenis wakaf di Malaysia, misalnya; wakaf am bertempoh, wakaf khas bertempoh, wakaf zurri bertempoh, dan wakaf kepakaran bertempoh (Ab Rahman & Amanullah, 2017d).

- v. **Wakaf Perkhidmatan dan Kepakaran:** Wakaf jenis ini adalah wakaf tenaga yang dibenarkan dalam hukum syarak dan telah diperuntukkan kebenarannya di bawah beberapa enakmen wakaf negeri seperti Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005, Enakmen Wakaf Selangor 2015 dan Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Misalnya sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 (c), Enakmen Wakaf Terengganu 2016, wakaf ertinya:

"menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya".

Wakaf tenaga ini berperanan memberikan kepakaran secara percuma, misalnya pakar perubatan mewakafkan kepakaran dan perkhidmatan serta masa bagi menjaga kesihatan dan nutrisi warga emas tanpa sebarang bayaran. Begitu juga, para sukarelawan mewakafkan masa mereka menguruskan warga emas, memberikan pendidikan serta menjalankan aktiviti-aktiviti yang mampu meningkatkan tahap produktiviti mereka (Ab Rahman & Amanullah, 2016b).

Disarankan agar pihak pengurusan Pusat Penjagaan Warga Emas mempromosikan wakaf perkhidmatan ini agar kebajikan kesihatan warga emas dalam keadaan sejahtera dari segi fizikal, mental dan sosial. Hal ini selari dengan Dasar Kesihatan Warga Emas Negara.

PENUTUP

Potensi wakaf dalam membangunkan penjagaan warga emas tidak dapat disangkal, sekiranya diuruskan secara profesional dan mengamalkan budaya kerja Islam. Setiap institusi dan individu yang mengurus wakaf perlu mengamalkan kod etika khas dalam pengurusan wakaf untuk mencapai kecemerlangan sebagaimana institusi terdahulu adalah amat wajar diberi perhatian.

Selain itu, sesebuah institusi perlu bekerjasama dalam mempromosi Dana Wakaf Warga Emas di dalam negara. Promosi bukan sahaja tanggungjawab institusi yang melaksanakan wakaf, malah ia juga merupakan tanggungjawab pihak yang bekerjasama dengan institusi tersebut khususnya Rumah Warga Emas bagi memastikan objektif wakaf tercapai sekaligus melestarikan pengurusan warga emas di Malaysia.

Sehubungan itu, wakaf warga emas perlu memiliki governan yang

teratur dan sistematik bagi memastikan sistem pengurusannya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur berlandaskan kehendak dan keperluan Syarak.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah menaja kajian Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), kod penyelidikan [USIM/FRGS/FSU/055002/50919].

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam menyempurnakan kajian ini iaitu Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), International Fatwa and Halal Centre (iFFAH).

RUJUKAN

- Abd Hamid, Mohd Azhar. 2012. *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam Di Johor Bahru*. Tesis PhD. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Abdillah, Muhammad Bin Ahmad. 1989. *Manhu al-Jalil*. Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1993. *Sahih al-Bukhariyy*. Damascus, Syria: Dar Ibnu Kathir.
- Al-Shirbini, Muhammad Bin Ahmad al-Khatib. t.t. *Muqhni Muhtaj*. Cairo, Egypt: al-Sharikah al-Sharqiyyah Li al-I'lanat.
- Chua Yan Piaw. 2012. *Asas Statistik Penyelidikan: Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Creswell, J. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (4th Edition). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Eisner, E. W. 1991. *The Enlightened Eye: Qualitative Inquiry and The Enhancement of Educational Practice*. New York, NY: Macmillan.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin. 1995. *Rad*

al-Muhtar Ala al-Rad al-Mukhtar. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Qudamah, Abdullah. 1981. *Al-Muqhni*. Riyad: Maktabat al-Riyad al-Hadithah.

Merriam, S.B. & Associates. 2002. *Qualitative Research in Practice: Examples For Discussion and Analysis*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research And Case Study Applications in Education*. Athens: The Jossey-Bass.

Othman, Lebar. 2007. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Patton, M.Q. 2002. *Qualitative Research and Evaluation Methods*. (3rd Edition). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Ritchie, J. & Lewis, J. 2005. *Qualitative Research Practice: A Guide For Social Science Students and Researchers*. London: SAGE Publications.

Stake, R. E. 1995. *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Strauss, A. & Corbin, J. 1998. *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures For Developing Grounded Theory*. (2nd Edition). London: Sage Publications.

United Nation. 1982. *World Assembly on Aging*. Vienna, Austria.

Jurnal

- Ab Rahman, Muhamad Firdaus & Amanullah, Muhammad. 2016a. *Ta'bid al-Waqf wa Ta'qituhu fi Wilayah Mukhtarah fi Malaysia*. *Studia Islamika Journal*. Vol. 23, No. 3, 561-596.
- Ab Rahman, Muhamad Firdaus & Amanullah, Muhammad. 2016b. *The Implementation of Temporary Endowment in Kuwait*. *Al-Jamiah: Journal of Islamic Studies*. Vol. 54, No. 2, 477-503.
- Ab Rahman, Muhamad Firdaus & Amanullah, Muhammad. 2017a. *The Nature of Temporary Waqf, Its Ruling and Public Interest*. *Global Journal at-Thaqafah*. Vol 7, Issue 2,

- 175-187.
- Ab Rahman, Muhamad Firdaus & Amanullah, Muhammad. 2017b. *Temporary Endowment: A Juristic Ta'sili Study*. Ulum Islamiyyah. Vol. 21, Issue 2, 121-139.
- Ab Rahman, Muhamad Firdaus & Amanullah, Muhammad. 2017c. *Implementation of Temporary Waqf: A Comparative Study Between Kuwait and Malaysia*. Jurnal Fiqh. Vol. 14, 75-98.
- Ab Rahman, Muhamad Firdaus & Amanullah, Muhammad. 2017d. *Challenges and Problems Facing the Application of Temporary Waqf in Selected States of Malaysia: New Issues and their Guiding Rules*. Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics. Vol. 30, Issue 3, 291- 314.
- United Nation. *population/*.(diakses pada 1 Mac 2019).
<http://www.un.org/en/sections/issues-depth/ageing/>. (diakses pada 1 Mac 2019).
- Utusan Malaysia .
<http://www.utusan.com.my/mega/agama/manfaatkan-harta-wakaf-1.204506>. (diakses pada 26 Februari 2019).
- World Economics Forum.
<https://www.weforum.org/agenda/2016/09/5-ways-to-prepare-for-tomorrows-ageing-population/>.(diakses pada 1 Mac 2019).
- Yayasan al-Jenderami.
http://www.aljenderami.com.my/v31/index.php?option=com_content&view=article&id=53:warga-emas&catid=56&Itemid=53, 26/2/2019. (diakses pada 26 Februari 2019).

Akta

- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
- Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005.
- Enakmen Wakaf Selangor 2015.
- Enakmen Wakaf Terengganu 2016.
- Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983.

Internet

- Committee For Economic Development Australia.
<https://www.ceda.com.au/Research-and-policy/All-CEDA-research/Research-catalogue/Australia-s-ageing-population-how-are-we-preparing>. (diakses pada 1 Mac 2019).
- Hospital Insider.
<https://govinsider.asia/connected-gov/how-will-singapores-healthcare-prepare-for-an-ageing-population/>. (diakses pada 1 Mac 2019).
- Social Wellbeing Research Centre.
<https://fep.um.edu.my/research/research-centre/social-security-research-centre>. (diakses pada 1 Mac 2019).
- Statistics.
<https://www.statista.com/statistics/713529/malaysia-aging->

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.